

## **KESEDARAN DAN PENGETAHUAN TERHADAP KESELAMATAN DAN PRIVASI MELALUI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN BELIA**

*(Awareness and knowledge of safety and privacy through social media among youth)*

Mohd Azul Mohamad Salleh, Mohd Yusof Hj Abdullah, Ali Salman & Ahmad Sauffiyan  
Abu Hasan

### **ABSTRAK**

Aplikasi media sosial pada masa kini banyak digunakan untuk menyebarkan dan memaparkan maklumat kepada pengguna. Maklumat seperti teks, grafik, audio, animasi dan video dapat dikongsi secara dalam talian dengan mudah dan cepat. Selain itu, aplikasi media sosial memudahkan pengguna untuk menjalinkan hubungan dan membina rangkaian hubungan peribadi dengan pengguna lain. Jika dilihat dari konteks keselamatan dan risiko privasi, perkara ini akan memberi kesan kepada pengguna kerana maklumat dan aktiviti mereka dapat diakses melalui rangkaian sosial dengan mudah. Isunya disini, sejauhmana belia pada hari ini mempunyai kesedaran, kefahaman dan pengetahuan tentang keselamatan dan privasi maklumat peribadi ketika berkomunikasi secara dalam talian. Kajian ini telah menemubual 1600 orang belia di Malaysia menggunakan instrumen soal selidik. Hasil kajian mendapati majoriti belia menggunakan aplikasi lebih dari 3 jam sehari, malah Facebook, Whatsapp dan Instagram pula merupakan aplikasi yang popular dalam kalangan mereka. Mereka menggunakan aplikasi media sosial untuk mencari maklumat umum, berhubung dengan rakan-rakan dan berinteraksi dengan ahli keluarga melalui fasiliti chat yang disediakan. Hasil kajian juga mendapati belia pada hari ini mempunyai kesedaran dan pengetahuan terhadap isu privasi dan keselamatan ketika dalam talian di media sosial. Kajian ini memberi maklumat yang penting untuk memahami, menilai kesedaran dan pengetahuan belia di Malaysia terhadap privasi maklumat dan keselamatan di media sosial untuk meneroka kehidupan dalam *era 4IR* dan persekitaran digital pada masa hadapan terutamanya pada tahun 2050.

**Kata kunci:** kesedaran, pengetahuan, safety, privasi, youth

### **ABSTRACT**

Social media apps are now widely used to spread and display information to users. Information like text, graphics, audio, animation and video can be shared online easily and quickly. Additionally, social media apps make it easy for users to connect and build personal network with other users. If viewed from the context of security and privacy risk, this will affect users as their information and activities are easily accessible via social networks. The issue here is how far today's youth have the awareness, understanding and knowledge of the safety and privacy of personal information when communicating online. Some 1600 Malaysian youth were interviewed using

questionnaire as instrument. The findings show that the majority of the youth use social media apps more than 3 hours a day, the most popular are Facebook, Whatsapp and Instagram. They use social media apps to find general information, connect with friends and interact with family members through the chat facilities provided. The findings also found that today's youths have the awareness and knowledge of privacy and security issues on social media. This study provides important information to understand, assess the awareness and knowledge of youth in Malaysia with regard to information and security on social media in exploring life in the 4IR era and the digital environment in the future, especially in 2050.

**Keywords:** awareness, knowledge, safety, privacy, youth

## PENGENALAN

Media sosial pada masa kini banyak digunakan untuk menyebar, memapar dan berkongsi maklumat kepada pengguna lain dalam jangka masa yang cepat. Maklumat yang terdiri daripada teks, grafik, audio dan video dapat dikongsi secara digital dengan mudah. Kewujudan masyarakat bermaklumat yang mempunyai kemahiran menggunakan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi mempertingkatkan lagi penggunaan Internet melalui gajet telekomunikasi seperti telefon pintar, *tablet* dan sebagainya.

Kewujudan aplikasi media sosial seperti Facebook, Friendster, Myspace, Instagram dan Youtube dibangunkan melalui perkembangan Web 2.0 telah memberi satu fenomena yang baru dalam industri media baharu. Gelombang media sosial ini semakin berkembang aktif penggunaannya terutama dalam kalangan remaja termasuklah mahasiswa/i yang berada di institusi pengajian. Kemudahan yang ditawarkan oleh media sosial memberi ruang untuk pengguna berinteraksi secara maya dalam bentuk teks, grafik, audio dan video dengan lebih pantas dan mudah. Pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh media sosial penting sebagai alat untuk berkomunikasi dan mempunyai potensi untuk menjadi teknologi yang boleh menghubungkan pengguna di seluruh dunia.

Aplikasi dan teknologi media digital telah memberi impak, pembaharuan serta penambahbaikan dalam landskap media pada masa kini. Sebagai contoh, industri hiburan pada masa kini banyak menggunakan media digital terutama dalam membangun kandungan kreatif media seperti penghasilan kandungan media animasi, permainan komputer/video dan filem. Perkembangan media digital ini dirancakkan lagi dengan adanya Internet dan media sosial yang menyebabkan fungsi media digital ini semakin luas digunakan. Selain itu, media sosial juga banyak membantu melengkapkan kemampuan untuk berinteraksi iaitu kebolehan untuk berkomunikasi secara dua hala antara pengguna yang merentasi sempadan masa dan jarak secara dalam talian. Urusan menjadi lebih mudah dengan adanya bantuan media sosial tanpa memerlukan pengguna untuk bergerak ke tempat lain untuk menyelesaikan sesuatu urusan.

Perkembangan ini sekaligus mentransformasi penggunaan pelbagai peralatan dan aplikasi media baharu secara positif dalam kalangan pengguna. Walau bagaimanapun, jika ia tidak digunakan dengan sebaiknya, teknologi dan aplikasi media baharu ini akan

memberi kesan sampingan yang negatif kepada kepelbagai tahap umur pengguna. Pengguna pada hari ini gemar dan mudah untuk berkongsi maklumat peribadi dengan saudara mara dan rakan-rakan melalui media baharu seperti aplikasi media sosial. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi Facebook dapat memudahkan pengguna untuk menjalinkan hubungan dan membina rangkaian hubungan peribadi dengan pengguna lain.

Jika dilihat dari konteks keselamatan dan risiko privasi, perkara ini sedikit sebanyak akan memberi kesan juga kepada pengguna kerana maklumat dan aktiviti mereka dapat diakses melalui rangkaian sosial dengan mudah oleh individu yang lain. Sebenarnya, pengguna lain atau pihak ketiga boleh mencari dan mendapat maklumat peribadi pengguna aplikasi media sosial dengan cara yang berbeza, sama ada ia disedari atau tidak disedari oleh pengguna. Ini akan membuka ruang publik kepada pengguna lain yang mempunyai niat jahat untuk mencuri identiti, mengakses data serta menyalahgunakan maklumat.

Sebagai contoh, gambar-gambar yang dikongsi melalui pelbagai aplikasi pada hari ini membuka ruang kepada pihak ketiga untuk disalahgunakan. Pew Research Center (2013) menyatakan bahawa pengguna laman sosial mudah untuk berkongsi pelbagai maklumat peribadi secara dalam talian. Tetapi, Madden et. al (2013) mendapati pengguna mengelak daripada menggunakan beberapa aplikasi di telefon pintar dan *tablet* disebabkan kekusaran mengenai aspek keselamatan seperti privasi ketika berkongsi maklumat secara dalam talian.

Isunya disini, sejauhmana belia pada hari ini mempunyai kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan menjaga keselamatan dan privasi maklumat peribadi ketika berkomunikasi melalui aplikasi media sosial? Adakah pengguna dalam kalangan belia terutamanya mempunyai pengetahuan terhadap risiko privasi dan keselamatan ketika mendedahkan maklumat menerusi aplikasi dalam talian? Adakah mungkin sesetengah pengguna tidak berusaha untuk mengetahui atau mengambil tahu tentang kepentingan keselamatan dan privasi ketika leka berkomunikasi serta melayari jaringan aplikasi media sosial?

Untuk menjawab persoalan ini, artikel ini cuba memahami hasil kajian yang telah dilaksanakan untuk mengukur kesedaran terhadap keselamatan dan privasi golongan belia di beberapa zon di Malaysia. Golongan belia merupakan pengguna tegar aplikasi media sosial serta mereka bakal tinggal dalam kehidupan digital pada akan datang terutama pada tahun 2050 nanti. Ini adalah kerana Milton & Ramakrishnan (2014) menyatakan bahawa pengguna aplikasi di Internet seperti media sosial kebanyakannya terdiri dalam kalangan umur 18-34 tahun. Oleh itu, artikel dan kajian ini memberi keutamaan kepada belia bandar dan luar bandar yang aktif dengan penggunaan pelbagai aplikasi-aplikasi media sosial yang popular pada masa kini seperti Facebook, Instagram, Whatsapp dan sebagainya.

## **SOROTAN LITERATUR**

Sistem rangkaian Internet merupakan salah satu medium atau saluran komunikasi yang terpenting dalam menghubungkan setiap orang pada hari ini. Perkembangan Internet, Web 2.0 dan teknologi tanpa wayar memudahkan para pengguna untuk mengakses dan mengguna pelbagai aplikasi dalam talian pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Bukan itu sahaja, pertumbuhan pelbagai syarikat telekomunikasi yang menyediakan dan menawarkan berbagai jenis perkhidmatan pakej Internet dengan harga yang rendah,

membolehkan semua pengguna telefon pintar mampu melangganinya untuk tujuan berkomunikasi, berkongsi maklumat dan sebagainya.

Selain tawaran kemudahan akses Internet, pengguna juga perlu mengetahui bahawa perkembangan teknologi dan media baharu memberi implikasi tersendiri dalam kehidupan sosial masyarakat digital pada hari ini. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi media sosial telah merubah cara manusia berinteraksi dalam sesebuah masyarakat bermaklumat melalui satu platform jaringan Internet yang besar di seluruh dunia. Perubahan proses komunikasi sosial ini menyebabkan interaksi secara bersemuka menjadi semakin terhad kerana sikap selesa masyarakat yang lebih memilih untuk berkomunikasi secara dalam talian melalui pelbagai aplikasi media sosial di Internet.

Dalam kita seronok berkomunikasi dan berkongsi pelbagai maklumat melalui Internet serta aplikasi media sosial, sudah pasti aspek-aspek yang lain seperti keselamatan perlu diberi perhatian untuk mengelak pengguna mendapat kesan yang negatif. Isu keselamatan siber atau keselamatan di Internet sangat berkait rapat dengan perlindungan maklumat dan aset teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap isu keselamatan serta privasi maklumat sewaktu melayari internet dan berinteraksi di aplikasi media sosial perlu diberi perhatian oleh semua pengguna dalam era digital dan revolusi industri 4.0. Adakah pengetahuan dan kesedaran masyarakat masih berada pada tahap yang rendah disebabkan mereka merasakan apa yang dilakukan pada masa kini adalah betul?

Penggunaan medium Internet bukan sahaja mampu membawa impak positif, malah ia boleh memberi impak yang negatif kepada keselamatan pengguna terutamanya golongan belia. Hal ini kerana golongan tersebut lebih terdedah kepada penggunaan Internet dalam aktiviti harian mereka. Sebagai contoh, jenayah siber misalnya banyak melibatkan aktiviti secara dalam talian termasuklah ketika melakukan pembelian secara dalam talian. Antara isu keselamatan di Internet yang lain adalah jenayah yang melibatkan aktiviti seperti kecurian, penipuan, peras ugut dan pelanggaran undang-undang yang sedia ada dengan menggunakan kemudahan peralatan ICT atau teknologi komunikasi melalui saluran Internet.

Dalam aspek ini sebenarnya, seseorang belia/pengguna boleh mencari maklumat, aktiviti, profil individu lain apabila berhubungan dalam satu jaringan yang besar melalui media sosial (Ansdraws 2011). Dalam hal ini, Fuchs (2012) menyatakan wujudnya konsep pengawasan apabila pengguna saling berhubung antara satu dengan lain melalui aplikasi secara dalam talian, seperti aplikasi media sosial. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada wujudnya konsep pengawasan melalui rangkaian Internet kepada individu atau belia itu sendiri, malah kepada ekonomi, politik dan sosial sesebuah negara pada masa akan datang.

Allmer (2011) menekankan kepentingan kajian keselamatan dan privasi dalam masyarakat bermaklumat pada masa kini. Sebagai contoh, aplikasi media sosial dilihat adalah aplikasi yang menyediakan ruangan sosial kepada belia untuk bersosial tanpa mengira waktu dan tempat. Apabila data dan maklumat peribadi mereka dipamerkan dengan mudah sewaktu bersosial secara dalam talian, sudah pasti ia memberi ruang yang luas kepada individu lain atau pihak ketiga untuk membaca, berkongsi dan menyimpan tersebut. Seperti dinyatakan oleh Marwick (2012), pengguna begitu mudah untuk

mendapat maklumat peribadi pengguna yang lain melalui aplikasi jaringan sosial seperti Twitter, Facebook dan Foursquare.

Aktiviti pendedahan maklumat oleh belia ini sebenarnya disebabkan oleh hobi dan minat untuk menjalin hubungan secara dalam dengan lebih baik lagi. Antara maklumat yang biasa dipamer dan dikongsi adalah seperti maklumat yang berkaitan sekolah, majikan, dan maklumat peribadi. Bagi golongan belia atau pengguna golongan muda, sesetengah pengguna tidak mengendahkan kepentingan keselamatan dan privasi diri sendiri ketika berkongsi maklumat peribadi yang sensitif kepada awam (Kumar et al. 2006).

Sebagai contoh, perkongsian maklumat peribadi paling kerap dilakukan melalui profil pengguna kepada rakan-rakan melalui aplikasi media sosial. Kajian oleh Get Safe Online menyatakan bahawa ramai pengguna gemar berkongsi maklumat sensitif peribadi secara dalam talian. Perkara ini akan memberi kesan kepada belia yang kini membina kehidupan mereka dalam persekitaran digital yang dihubung oleh jutaan komputer atau perkakasan mudah alih untuk berkomunikasi melalui sistem rangkaian Internet.

Sebenarnya dalam membincangkan tentang aspek keselamatan dan privasi pengguna di laman media sosial, perkara utama yang perlu diketahui ialah bagaimana data, maklumat, gambar dan sebagainya yang dimuat naik di media sosial tidak disalahgunakan oleh pengguna lain. Pengguna mungkin tidak menyedari atau tidak mengetahui wujudnya pengawasan secara digital atau pengawasan sosial ketika mereka sedang seronok berkongsi maklumat, gambar dan video di dalam media sosial. Ini kerana terdapat pengguna media sosial lain yang tidak bertanggungjawab sentiasa memerhati aktiviti sesetengah pengguna media yang lain untuk kepentingan diri mereka. Oleh itu, adakah pengguna media sosial mengetahui wujudnya isu keselamatan dan privasi melalui aplikasi-aplikasi media sosial? Persoalan ini perlu dikaji oleh penyelidik dalam bidang Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT), media dan komunikasi, Internet dan keselamatan untuk mengetahui dan memahami implikasinya kepada pengguna terutama dalam kalangan belia di Malaysia.

Pada masa akan datang, sudah pasti cabaran era digital semakin mencabar lagi kerana teknologi *the Internet of thing* (IOT) dalam era *Fourth Industrial Revolution* (4IR) akan membuka ruang dan peluang yang lebih luas lagi kepada belia untuk berhubung atau terhubung di Internet. Sekiranya aspek keselamatan dan privasi maklumat peribadi belia tidak dikaji, kita tidak mempunyai maklumat atau profil dalam memberi kefahaman, pengetahuan serta kesedaran kepada golongan belia untuk menghadapi cabaran jenayah secara dalam talian di Internet melalui pelbagai aplikasi media sosial. Oleh itu, penting untuk memahami penggunaan aplikasi media sosial dan kesedaran golongan belia terhadap keselamatan dan privasi ketika *online* di aplikasi media sosial mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah campuran (*Mixed-Method*) yang terdiri daripada pendekatan kuantitatif (survey) dan pendekatan kualitatif (temu bual mendalam). Walau bagaimana pun, artikel ini hanya membincangkan pendekatan kuantitatif sahaja. Proses pengumpulan data berasaskan kepada *survey* menggunakan instrumen soal selidik. Responden akan dipilih menggunakan persampelan bertujuan yang mempunyai ciri-ciri seperti, seorang belia bandar/luar bandar, dan sekurang-kurang menggunakan aplikasi media sosial di Internet tidak kurang dari setahun.

Kajian ini dijalankan ke atas belia yang berumur dari 15 hingga 30 tahun melibatkan seramai 1600 orang responden yang akan dipilih dari 4 zon utama di Semenanjung Malaysia. Responden dalam kajian ini melibatkan pelbagai peringkat umur, kaum dan gender. Data-data mentah akan dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Bilangan responden adalah seperti dalam Jadual dibawah.

Pembinaan instrumen soal selidik adalah hasil kajian-kajian lepas yang terdapat dalam sorotan literatur bersesuaian dengan konteks kajian. Kaedah ini sesuai digunakan pada sampel kajian kerana mereka tidak akan menghadapi tekanan semasa menjawab soalan, malah mereka juga bebas untuk menjawab soal selidik pada waktu lapang. Selain itu, antara kelebihan instrumen ini untuk kutipan data adalah membantu penyelidik untuk mencapai responden yang berada di lokasi yang jauh serta memerlukan kos yang sedikit berbanding pengumpulan data dengan kaedah yang lain

Ketika menjalankan proses pengumpulan data, penyelidik akan merujuk kepada bilangan sampel mengikut zon-zon yang telah ditetapkan dalam kajian. Kriteria sebagai responden perlu diikuti dengan bertanya kepada responden terlebih dahulu berkaitan dengan umur, jangka masa menggunakan Internet dan media sosial bagi memastikan sampel bertepatan dengan skop kajian yang telah ditetapkan diperingkat awal. Sekiranya responden menepati kriteria atau ciri yang telah ditetapkan, maka borang soal selidik diedarkan kepada responden kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi dari analisis deskriptif terhadap sampel kajian yang telah dilaksanakan.

### *Demografi Responden*

Jadual 1 mendapati peratusan di antara responden lelaki dan perempuan adalah hampir sama.

Jadual 1: Jantina

Jantina	Jumlah	Peratusan
Lelaki	846	52.9
Perempuan	754	47.1

Responden kajian ini juga terdiri dari tiga kategori umur belia yang berumur dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun, belia awal yang menunjukkan taburan responden yang berusia 15-18 tahun, belia pertengahan adalah yang berusia 19-24 tahun dan belia akhir pula yang berusia 25-30 tahun. Jadual menunjukkan responden bagi ketiga-tiga kategori belia adalah hampir sama.

Jadual 2: Umur

Umur	Jumlah	Peratusan
------	--------	-----------

15-18 Tahun	506	32.4
19-24 Tahun	519	31.6
25-30 Tahun	575	35.5

Seterusnya Jadual 3 mendapati seramai 585 orang berbangsa Melayu (36.6%), 519 orang berbangsa Cina (32.2%), dan 500 orang berbangsa India (31.3%) telah terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3: Bangsa

Bangsa	Jumlah	Peratusan
Melayu	585	36.6
Cina	519	32.2
India	500	31.3

Dalam aspek pekerjaan pula, Jadual 4 menunjukkan responden terdiri daripada pelajar sekolah (22.1%), pelajar Kolej/Universiti (34.4%), pekerja kerajaan (10.6%) dan swasta (14.3%) serta mereka yang bekerja sendiri (13.6%). Selebihnya adalah belia yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan (4.9%).

Jadual 4: Jenis Pekerjaan

Pekerjaan	Jumlah	Peratusan
Pelajar Sekolah	353	22.1
Pelajar Kolej/ Universiti	551	34.4
Kerja Kerajaan	170	10.6
Kerja Swasta	229	14.3
Kerja Sendiri	218	13.6
Tidak bekerja	79	4.9

Jadual 5 pula menunjukkan tahap pendidikan tertinggi belia yang telah terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, lebih dari separuh belia mempunyai pendidikan sijil/STPM/diploma, sarjana muda dan sarjana/PhD. Selebihnya adalah belia diperingkat sekolah menengah iaitu kategori belia awal.

Jadual 5: Taraf Pendidikan Tertinggi

Taraf Pendidikan	Jumlah	Peratusan
UPSR	21	1.3
PMR	178	11.1
SPM	526	32.9
Sijil/STPM/Diploma	550	34.4
Sarjana Muda	307	19.2

Sarjana/PhD	18	1.1
-------------	----	-----


**Penggunaan Media sosial**

Jadual 6 menunjukkan majoriti daripada belia menggunakan media sosial lebih dari 3 jam dalam sehari. Hampir separuh daripada mereka mengguna aplikasi media sekitar 3 hingga 4 jam dalam sehari. Dapatan juga mendapati 22.8% daripada responden mengguna media sosial lebih dari 6 jam dalam sehari. Ini membuktikan belia pada hari ini menguna secara optimun aplikasi media sosial dalam kehidupan harian mereka.

Jadual 6: Jam Menggunakan Media sosial Dalam Sehari

Jam menggunakan media sosial sehari	Jumlah	Peratusan
Kurang 2 Jam	256	16.0
3-4 Jam	646	40.4
5-6 Jam	334	20.9
Lebih dari 6 Jam	364	22.8

Jika dikaji dari aspek jenis aplikasi media sosial yang digunakan, kajian mendapati 86.7% mempunyai dan menggunakan akaun Facebook, 95.9% mengguna Whatsapp dan 71.3% pula media sosial Instagram. Ketiga-tiga aplikasi media sosial ini lebih popular dan digemari dalam kalangan belia. Selebihnya mereka mengguna aplikasi seperti Twitter, Blog, Wechat, Telegram, dan Line seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Jenis Media sosial yang digunakan



Mereka menggunakan media sosial untuk tujuan utama seperti berhubung dengan rakan-rakan, berkomunikasi dengan ahli keluarga, mencari maklumat umum, menggunakan internet untuk menggunakan aplikasi chat, berkongsi maklumat dengan pengguna lain, muat naik/upload gambar dan video, serta untuk tujuan hiburan seperti muat turun/download video & audio. Selebihnya mereka menggunakannya untuk tujuan lain seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Tujuan menggunakan Media sosial

<b>Tujuan menggunakan media sosial</b>	<b>Peratusan</b>
<b><i>Mencari maklumat umum</i></b>	<b>70.9</b>
Membaca akhbar dalam talian	46.8
<b><i>Berhubung dengan rakan-rakan</i></b>	<b>76.3</b>
Akses aplikasi kerajaan	27.6
Mendapatkan maklumat pendidikan	48.1
<b><i>Menggunakan aplikasi chat</i></b>	<b>62.4</b>
Membeli dan mencari barang/produk	45.7
<b><i>Berkomunikasi dengan ahli keluarga</i></b>	<b>74.5</b>
<b><i>Berkongsi maklumat</i></b>	<b>59.5</b>
Merancang percutian	31.3
<b><i>Muat naik/upload gambar dan video</i></b>	<b>58.9</b>
Mempromosi barang/produk	29.9
Membaca blog	25.9
Mencari maklumat kesihatan	31.1
Mencari kenalan baharu	46.5
Permainan dalam talian	40.4
Aktiviti keagamaan	27.1
Mendapat iklan terkini	27.8
<b><i>Hiburan (muat turun/download video&amp;audio)</i></b>	<b>55.9</b>
Mendapatkan maklumat politik semasa	27.1
Mencari maklumat tentang ahli politik	18.1

Majoriti daripada belia membuat capaian aplikasi media sosial melalui telefon pintar. Data dalam Jadual 8 menunjukkan platform paling tertinggi ialah menggunakan telefon pintar, manakala 58.7% menggunakan komputer peribadi bagi capaian media sosial. Hanya 14.8% sahaja yang menggunakan tablet sebagai medium capaian aplikasi media sosial.

Jadual 8: Platform Capaian Media sosial

<b>Platform</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratusan</b>
Komputer peribadi	939	58.7

Telefon Pintar	1560	97.5
Tablet	237	14.8

### *Kesedaran Terhadap Keselamatan dan Privasi*

Bahagian ini membincangkan aspek kesedaran dan pengetahuan belia dari aspek keselamatan dan privasi maklumat ketika mengguna dan berkomunikasi melalui aplikasi media sosial. Jadual 9 menunjukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur aspek privasi maklumat ketika mengguna aplikasi media sosial. Hasil kajian mendapati bahawa purata nilai min keseluruhan untuk pembolehubah privasi maklumat adalah 4.00 (SD=.7177) berdasarkan Skala Likert 5-point. Dapatan ini menunjukkan bahawa belia yang dikaji bersetuju dengan kesedaran, pengetahuan dan keyakinan terhadap privasi maklumat ketika mengguna media sosial atau aplikasi di Internet. Manakala, kebolehpercayaan Cronbach's Alpha adalah 0.894 dari 7 butiran/item yang dibangunkan.

Jadual 9: Privasi Maklumat

<b>Kenyataan</b>	<b>Mean</b>	<b>SD</b>
Saya sedar bahawa isu privasi maklumat peribadi menjadi isu/kebimbangan utama pada masa hadapan (2050)	4.11	.894
Saya sedar pihak ketiga/orang lain boleh mengakses maklumat peribadi saya di media sosial	4.05	.913
Saya sedar tentang kemunculan iklan dan promosi (pop-up/spam) di media sosial boleh mengancam privasi ketika online.	4.03	.911
Saya tahu untuk mengawal tetapan privasi (privacy setting) ketika melayari Internet.	4.03	.917
Saya yakin untuk menggunakan aplikasi di Internet meskipun risau mengenai isu privasi maklumat peribadi pada Tahun 2050 nanti.	3.96	.906
Saya mempunyai kemahiran untuk mengawal maklumat peribadi ketika melayari Internet	3.94	.910
Saya mempunyai pengetahuan mengenai isu privasi maklumat peribadi untuk menghadapi persekitaran digital pada Tahun 2050	3.89	.976

Kajian mendapati belia dalam kajian mempunyai kesedaran dalam aspek privasi maklumat yang boleh menjadi satu kebimbangan utama pada masa akan datang, terutama pada tahun 2050 nanti. Mereka juga mengetahui bahawa wujud pihak ketiga yang boleh mengakses atau mencapai maklumat peribadi yang telah dikongsi melalui aplikasi media sosial. Walau bagaimana pun, mereka mempunyai pengetahuan untuk mengawal privasi dan yakin untuk mengguna aplikasi media sosial meskipun terdapat kerisauan terhadap privasi maklumat peribadi ketika menggunakannya. Kajian mendapati belia pada hari ini telah mempunyai kesedaran dan pengetahuan terhadap isu privasi masa kini dan juga dalam menghadapi persekitaran digital pada tahun 2050 nanti.

Seterusnya, Jadual 10 pula menunjukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur aspek keselamatan kita berinteraksi atau mengguna aplikasi media sosial. Hasil kajian mendapati purata nilai min keseluruhan untuk keselamatan maklumat adalah 3.82 (SD=.7223) dengan nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha 0.870 dari 6 butiran/item yang dibangunkan.

Jadual 10: Keselamatan maklumat

Kenyataan	Mean	SD
Saya tahu tentang risiko keselamatan maklumat peribadi boleh disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.	3.98	.904
Saya tahu terdapat ciri-ciri keselamatan dalam Internet yang menjaga kerahsiaan maklumat pengguna.	3.90	.881
Saya mempunyai pengetahuan tentang keselamatan data peribadi apabila terlibat dengan iklan/promosi palsu yang ditawarkan di Internet/media sosial.	3.85	.912
Ciri-ciri keselamatan dalam media sosial boleh menjamin keselamatan maklumat peribadi pengguna.	3.77	.921
Maklumat peribadi di Internet dan laman sosial lebih selamat pada masa akan datang (2050).	3.70	.978
Saya yakin/rasa selamat untuk online dalam persekitaran digital pada tahun 2050	3.70	.968

Kajian mendapati belia dalam kajian mempunyai pengetahuan dan kesedaran terhadap isu keselamatan maklumat peribadi mereka ketika mengguna aplikasi media sosial. Min dalam Jadual 10 menunjukkan belia mengetahui risiko dan ciri-ciri keselamatan dalam menjaga kerahsiaan ketika *online* dalam platform media sosial. Mereka mempunyai pengetahuan tentang keselamatan data peribadi dan iklan palsu yang ditawarkan di media sosial. Walau bagaimana pun, mereka lebih cenderung kepada arah bersetuju bahawa maklumat dan keselamatan peribadi mereka lebih selamat pada masa akan datang. Mereka lebih optimis bahawa persekitaran digital pada masa akan datang adalah selamat.

## PERBINCANGAN

Aplikasi media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Twitter dan Instagram menjadi tarikan utama dalam kalangan belai pada hari ini. Kebanyakan mereka menggunakan aplikasi media sosial ini untuk mendapatkan maklumat terkini, mengguna aplikasi chat, berkomunikasi dengan rakan dan ahli keluarga. Selain tu, media sosial juga digunakan untuk mereka berkongsi gambar dan maklumat sesama dengan kenalan terdekat dengan lebih cepat dan mudah.

Kemudahan dan kebergunaan aplikasi ini menjadi pendorong atau faktor utama untuk menggunakan kepelbagaian aplikasi media sosial dalam kehidupan sebagai seorang belia yang mengikut arus teknologi komunikasi pasa masa kini, terutamanya dalam berkomunikasi dan berkongsi maklumat. Di samping itu, penerimaan terhadap aplikasi ini juga disokong oleh keupayaan belia membeli perkakasan tanpa wayar yang pintar seperti tablet, telefon pintar dan komputer riba. Kadar kos pelan data Internet yang murah dan rendah juga menyokong kepada penggunaan yang membolehkan mereka membuat capaian Internet dengan mudah.

Selain itu, belia juga turut menggunakan media sosial untuk mendapat maklumat terkini, memuatnaik dan muat turun gambar, audio dan video. Kebanyakan belia

menyatakan mereka menggunakan media sosial untuk tujuan mendapat berita terkini dalam pelbagai format maklumat untuk kehidupan seharian mereka. Apa yang lebih penting lagi, media sosial menjadi platform untuk mereka mencari dan berkongsi maklumat mengenai isu-isu semasa di dalam dan luar negara. Antara aplikasi yang mereka sering gunakan ialah Twitter, Facebook, Whatsapp dan Instagram. Aplikasi-aplikasi ini merupakan antara media sosial yang menawarkan banyak berita-berita dalam dan luar negara dengan lebih cepat dan pantas.

Selain itu, terdapat juga belia yang menggunakan aplikasi media sosial untuk menambah jaringan dengan mencari maklumat rakan, berkongsi pengalaman dan ilmu dalam pelbagai aktiviti serta membuat promosi sesuatu aktiviti, kegiatan atau perniagaan. Kebergunaan aplikasi media sosial ini menjadi faktor utama kepada belia untuk mengadaptasi penggunaan media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Twitter atau Instagram dalam urusan harian. Selain itu, aplikasi media sosial yang dikendalikan dengan kos yang rendah melalui capaian Internet telah menyediakan ruang yang mudah dan terbuka untuk berkongsi maklumat ataupun menjalankan urusan perniagaan secara dalam talian dalam kalangan mereka.

Seterusnya perbincangan menjurus kepada kesedaran dan pengetahuan belia terhadap isu keselamatan dan privasi maklumat. Dapatan kajian menunjukkan belia mempunyai pengetahuan dan kesedaran dalam aspek yang dikaji. Mereka menyatakan bahawa setiap aktiviti seperti muat naik dan muat turun, mengemas kini status, berkongsi gambar dan sebagainya telah diperhati, dipantau dan diawasi oleh pengguna lain tanpa mereka sedari. Seseengah pengguna media sosial tidak memikirkan mengenai keselamatan dan privasi sewaktu *online* di aplikasi seperti Facebook, Whatsapp dan sebagainya. Selain itu, ada juga belia yang masih tidak menguasai aspek keselamatan ketika menggunakan aplikasi di Internet. Mereka tidak memahami secara mendalam konsep dan kepentingan mengenai privasi atau keselamatan dalam menggunakan media baru atau media sosial.

Walau bagaimana pun, dapatan kajian mendapati belia pada hari ini sememangnya mempunyai kesedaran dan pengetahuan terhadap isu keselamatan dan privasi maklumat ketika menggunakan aplikasi media sosial. Mereka dapat memberi jawapan yang positif tentang kesan dan impak keselamatan kepada individu yang menggunakan aplikasi media sosial. Sekiranya tidak berhati-hati ketika menggunakan media sosial, maka privasi dan keselamatan diri, keluarga serta harta benda mereka pasti akan terjejas. Pun begitu, masih ada pengguna pada hari ini dilihat lebih gemar berkongsi setiap perkara mahupun aktiviti yang dilakukan dalam media sosial. Contohnya, Instagram telah menjadi tempat untuk berkongsi pelbagai jenis gambar sehingga tanpa disedari, ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab memanipulasikan gambar-gambar tersebut untuk tujuan yang tidak bermoral. Lebih menyedihkan lagi sekiranya gambar-gambar tersebut dijadikan viral untuk perkara-perkara yang negatif. Pengguna media sosial perlu lebih berhati-hati dalam berkongsi apa-apa pun agar privasi tidak mudah diceroboh.

Di sini, soal privasi dan keselamatan sebenarnya berbalik semula pada cara belia menggunakan sesuatu aplikasi media sosial. Seseorang individu masih dapat untuk menjaga privasi dan keselamatan maklumat mereka dengan baik apabila tidak sewenang-wenangnya berkongsi, menceritakan dan menyatakan maklumat peribadi dilaman media sosial. Soal privasi dan keselamatan maklumat tidak timbul sekiranya pengguna

mempunyai kemahiran literasi maklumat dan literasi media untuk menapis maklumat yang ingin dikongsi di media sosial. Ini jelas bahawa kesedaran dan kefahaman terhadap isu ini timbul apabila majoriti daripada memahami akan kepentingan aspek privasi dan keselamatan maklumat peribadi. Jelas menunjukkan belia pada hari ini sudah mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kesedaran berkaitan dengan kesan atau impak sosial yang akan dialami sekiranya mereka tidak berhati-hati sewaktu berkongsi maklumat dalam media sosial.

Belia pada hari ini telah mengambil maklum mengenai kesan dan impak terhadap privasi dan keselamatan dalam media sosial demi kesejahteraan hidup dalam era digital pada masa akan datang, terutama dalam tahun 2050 nanti. Maklumat dan aktiviti terkini yang dilakukan oleh kawan atau ahli keluarga boleh diakses dan boleh diketahui dengan mudah, cepat dan pantas. Ini kerana, media sosial memberi ruang kepada seseorang pengguna yang aktif untuk mengawasi atau memantau aktiviti terkini yang sedang dilakukan oleh pengguna yang lain.

Walau bagaimanapun, terdapat implikasi yang negatif jika belia tidak mengawal ciri-ciri yang ada dalam aplikasi media sosial, terutama yang melibatkan aspek keselamatan dan privasi maklumat. Sebagai contoh, ada pengguna yang menyedari bahawa setiap maklumat yang mereka muat naik telah dicerobohi. Situasi ini menjadikan pengguna risau sekiranya maklumat yang dikongsi di dalam aplikasi media sosial memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk melakukan aktiviti yang tidak baik seperti pecah rumah, penculikan dan sebagainya. Dalam hal ini, belia sepatutnya melahirkan perasaan bimbang tentang keselamatan diri mereka, ahli keluarga serta harta benda sebelum membuat keputusan untuk berkongsi maklumat yang melibatkan data-data peribadi.

Perasaan bimbang terhadap keselamatan dan privasi setiap maklumat yang dimuat naik secara tidak langsung memberi kesan psikologi kepada pengguna untuk tidak berkongsi atau menghantar apa-apa maklumat melalui aplikasi media sosial dengan begitu mudah. Ia juga turut memberi kesan kepada tahap kepuasan berkomunikasi atau berkongsi maklumat secara atas talian. Ini kerana sekiranya pengguna tidak melayari media sosial secara aktif, maka pengguna akan mula menjauhkan diri daripada aplikasi berkenaan. Kepuasan dalam berkomunikasi diukur/dapat dicapai sekiranya pengguna media sosial boleh mencapai interaksi yang mudah dan cepat, kebergunaan dan kepentingan media sosial untuk mencapai kejayaan, serta membina hubungan yang kolaboratif antara pengguna secara dalam talian.

Implikasi terhadap media sosial telah memberi satu perbincangan yang cukup baik kepada korpus ilmu keselamatan dan privasi maklumat untuk membina kesejahteraan sosial melalui aplikasi media sosial yang jarang disedari atau diperdebatkan. Menerusi kajian ini, ianya telah memberikan hasil perbincangan yang penting untuk mengetahui tujuan dan implikasi penggunaan aplikasi media sosial dalam kalangan belia daripada perspektif keselamatan dan privasi maklumat peribadi ketika dalam talian. Maklumat dan pengetahuan yang baharu ini menjadi titik asas kepada kajian keselamatan seperti pengawasan sosial untuk menjaga keselamatan pengguna aplikasi media sosial dalam skop yang lebih besar lagi pada masa akan datang.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini cukup signifikan untuk mengetahui kesedaran dan pengetahuan belia terhadap isu keselamatan dan privasi ketika berinteraksi dalam persekitaran digital melalui aplikasi media sosial. Kajian ini juga dapat memahami sejauhmana belia mengetahui wujudnya pengawasan sosial yang melibatkan aspek keselamatan dan privasi maklumat peribadi mereka sewaktu berkongsi isi hati, pendapat, ilmu dan sebagainya.

Isu keselamatan dan privasi maklumat peribadi belia melalui aplikasi media sosial merupakan aspek yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak bagi memastikan mereka tidak terperangkap dalam jenayah siber. Belia yang masih muda mungkin tidak menyedari wujudnya pengawasan secara digital atau pengawasan sosial yang boleh mengancam keselamatan dan privasi kehidupan harian mereka ketika seronok berkomunikasi dan berkongsi maklumat dalam mana-mana aplikasi media sosial. Kajian yang menunjukkan telefon pintar merupakan gajet yang majoriti digunakan oleh belia untuk mengakses aplikasi media sosial masing-masing.

Belia pada masa kini perlu mengetahui dan sedar bahawa kemungkinan telefon pintar itu juga digunakan oleh pihak tertentu untuk mengawasi atau mendapat maklumat tentang keselamatan dan privasi mereka. Dahulunya, CCTV berada pada dinding sesebuah bangunan, tetapi pada hari ini kamera tersebut telah berada pada tangan 1.63 bilion pengguna telefon pintar didunia. Para belia atau pengguna media sosial perlu mempunyai pengetahuan, kesedaran dan literasi dalam aspek keselamatan dan privasi maklumat peribadi ketika dalam rangkaian Internet atau persekitaran digital.

Walau bagaimanapun kesedaran ini hanya boleh diperolehi daripada informan yang mendapat pendidikan formal mengenai penggunaan media dan juga media sosial. Kajian ini memberi impak kepada kepentingan literasi media dalam kalangan pengguna bermula dari peringkat kanak-kanak sehingga dewasa. Pendidikan di Malaysia harus mengintegrasikan kepentingan literasi media, etika sewaktu dalam talian, kelebihan dan keburukan media baharu. Ini untuk memastikan belia pada hari ini mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang lebih tinggi lagi dalam aspek keselamatan dan privasi maklumat peribadi bagi menghadapi persekitaran digital dan era 4IR pada masa akan datang atau tahun 2050 nanti.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini ditaja oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia. Kod penyelidikan SK-2017-010: Masa depan keselamatan dan privasi belia dalam kehidupan digital 2050.

## **RUJUKAN**

- Allmer, T. 2011. Critical surveillance studies in the information society. *triple: Communication, Capitalism & Critique. Open Access Journal for a Global Sustainable Information Society.* 9(2), 566-592.
- Andrews, L. 2011. *I know who you are and I saw what you did: social networks and the death of privacy.* New York: Free Press.
- Fuchs, C. 2012. The political economy of privacy on Facebook. *Television & New Media.*13(2), 139-159.

Get Safe Online. <https://www.getsafeonline.org>.

Kumar, R. Novak, J. & Tomkins, A. 2006. Structure and evolution of online social networks. *Proceedings of the 12th ACM SIGKDD international conference on Knowledge discovery and data mining*, hlm. 611–617.

Madden, M., Lenhart, A., Cortesi, S. & Gasser, Urs. 2013. Teens and Mobile Apps Privacy. PewResearchCenter. <http://pewinternet.org/Reports/2013/Teens-and-Mobile-Apps-Privacy.aspx>

Marwick, A. E. 2012. The public domain: surveillance in everyday life. *Surveillance & Society*. 9(4), 378-393.

Milton Joe, M., Ramakrishnan, B. 2014. Enhancing security module to prevent data hacking in online social networks. *Journal of Emerging Technologies in Web Intelligence* 6(2): 184-191.

PewResearchCenter. 2013. *Teens, Social Media, and Privacy*. The Berkman Center for Internet & Society. Harvard University.

Mohd Azul Mohamad Salleh (PhD), Mohd Yusof Hj Abdullah (PhD), Ali Salman (PhD)  
& Ahmad Sauffiyan Abu Hasan (PhD)  
Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mel: azul@ukm.edu.my